

**Najib Seru Rakyat Terus Perjuang Hak Kaum Wanita
Bernama
24 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru masyarakat negara ini supaya terus memperjuangkan hak kaum wanita dan mengambil beberapa langkah perlu untuk menolak keganasan terhadap wanita.

Beliau berkata keganasan terhadap wanita berlaku dalam pelbagai bentuk tetapi kesemuanya tidak boleh diterima di dalam masyarakat negara ini.

"Seruan saya ini bukan hanya sebagai seorang pemimpin politik tetapi juga sebagai seorang suami dan bapa kepada anak-anak saya. Hari ini, marilah kita bersama-sama melakukan apa sahaja bagi memastikan wanita yang kita sayangi sentiasa dilindungi," katanya.

Najib berkata demikian dalam entri terbaru beliau dalam blog 1Malaysia yang bertajuk 'Menolak Keganasan Terhadap Wanita' sempena Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita yang disambut Ahad ini.

Beliau berkata Malaysia mempunyai rekod yang baik mengenai hak wanita dan beliau sangat berbangga dengan perkembangan itu, terutamanya apabila berjaya memastikan hak sama rata di tempat kerja dan di dalam kerajaan.

"Di seluruh negara juga, Malaysia sedang berusaha keras untuk menjadikan negara ini lebih selamat serta lebih seimbang dalam mengendalikan isu gender," katanya.

Bagaimanapun, Najib berkata masih ada beberapa kes yang dapat dilihat menerusi media mengenai keganasan domestik, gangguan seksual, sumbang mahram dan kes rogol.

Sejak 2008 hingga Mei 2012, Jabatan Pembangunan Wanita merekodkan sebanyak 8,653 wanita memerlukan bimbingan serta kaunseling kerana menjadi mangsa kepada keganasan terhadap mereka, katanya.

"Pada saya, ia tidak sepatutnya dibiarkan hanya kepada mangsa serta ahli keluarga mereka sahaja yang perlu mengendalikannya. Keselamatan semua adalah tugas setiap rakyat Malaysia kerana ia sangat penting kepada negara dan tidak boleh diabaikan.

"Sebagai Perdana Menteri yang juga memegang jawatan sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya berjanji untuk melakukan yang terbaik bagi memastikan tidak ada lagi keganasan terhadap wanita di negara ini," katanya.

Najib berkata kerajaan menganjurkan Kempen Kesedaran Wanita 2012 bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan wanita mengenai risiko keganasan terhadap mereka.

Meskipun kempen berkenaan masih sedang berlangsung, namun ia hampir mencapai sasarannya kepada setiap peserta dan ini adalah satu kejayaan yang membanggakan, katanya.

"Kerajaan juga menyediakan sokongan emosi dan perlindungan kepada mangsa jenayah seksual dan keganasan domestik. Pada tahun ini sahaja, Jabatan Pembangunan Wanita telah

menganjurkan 16 program bimbingan dan kaunseling di seluruh negara yang melibatkan 901 peserta," katanya.

Menurutnya kerajaan akan terus berusaha untuk melihat lebih ramai lagi wanita bekerja agar mereka boleh menjadi lebih berdikari dan tidak lagi menjadi mangsa kepada apa jua bentuk keganasan.

Setakat ini, Najib berkata kerajaan bekerjasama rapat dengan beberapa badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta bagi memastikan suara wanita didengari sekali gus dimasukkan sebagai salah satu daripada dasar kerajaan.

"Pada Bajet 2013 lalu, beberapa insentif seperti geran, penurunan cukai serta elaun disediakan kepada pusat penjagaan awal kanak-kanak bagi memberi kebebasan yang lebih kepada kaum wanita untuk menerokai alam pekerjaan sekali gus dapat membangunkan kerjaya mereka," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=711208>